

13/05/2001

Hotel Burj Al-Arab bagi syurga dunia

Zainuddin Ayip

ANDA ingin menginap di hotel paling mewah di dunia. Bertandanglah ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). Dari jauh anda dapat melihat keindahan Hotel Burj Al-Arab di pantai Jumeirah yang menjadi mercu tanda kota berpenduduk dua juta orang itu.

Mercu tanda berbentuk kapal layar setinggi 27 tingkat itu menyamai Menara Effiel bagi kota Paris. Malah, pada waktu malam, hotel itu kelihatan lebih cantik kerana ia bertukar warna setiap 10 minit.

Namun, anda harus orang yang benar-benar kaya dan terlebih wang kerana sewa biliknya memang mahal. Bilik Royal Suite misalnya, AS\$6,850 (RM26,000) sehari dan jika dicampur dua jenis cukai berjumlah 20 peratus, kadarnya menjadi RM31,000, menyamai atau lebih mahal daripada harga Perodua Kancil.

Dua unit bilik mewah di tingkat atas seluas 780 meter persegi setiap satu disediakan untuk tetamu negara dan jutawan.

Ketika berkunjung ke Dubai, baru-baru ini saya berkesempatan meninjau bilik Royal Suite. Walaupun tidak menginap di situ, namun pihak hotel membenarkan saya yang mengikuti rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melihat persekitarannya.

Memang luar biasa, bak syurga dunia. Kamar tidurnya cukup luas dan tilamnya boleh berpusing, walaupun ketika tidur belum pasti dibuai mimpi indah. Bilik airnya juga dihiasi marmar dan ukiran bersalut emas.

Ada dua ruang tamu, satu ruang makan dan satu ruang istirahat dengan layar TV 42 inci. Malah ada lif khas untuk turun ke tingkat bawah.

"Tak dapat menginap, dapat masuk dan melihat sekitar hotel itu pun cukuplah," kata seorang wartawan Malaysia.

Untuk memasuki dan menjejak hotel 202 bilik yang terletak 17 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai, pengunjung harus membayar RM100 pada hari biasa dan RM200 pada hujung minggu untuk masuk ke ruang lobi dan lihat persekitarannya.

Mujurlah saya menyertai rombongan Perdana Menteri, jadi kami tidak dikenakan apa-apa bayaran, malah diberi peluang meninjau hampir setiap bahagian hotel mewah yang dikategorikan hotel tujuh bintang.

"Kalau ada duit apa salahnya menginap semalam di hotel ini. Tidak semua biliknya mahal. Saya dapat tahu ada bilik yang kadar sewanya tidak sampai AS\$1,000.

"Bolehlah duduk semalam, lepas itu duduklah di hotel lain yang sewanya lebih murah," gurau Dr Mahathir kepada rombongan 15 wartawan dan jurugambar Malaysia ketika sama-sama berehat sebentar di hotel itu.

Kami hanya tersenyum kerana berasakan sewa hampir RM4,000 bagi bilik paling murah juga disifatkan terlalu mahal. Memang hotel itu menyediakan 142 unit deluxe suite dengan kadar AS\$900 hingga AS\$1,000 sehari mengikut musim.

Semua bilik di hotel itu disediakan kelengkapan canggih termasuk komputer bimbit dengan kemudahan Internet selain set televisyen dan perakam video, peti ais dan kemudahan asas lain.

Bilik kedua paling mahal dan mewah ialah Presidential Suite seluas 667 kaki persegi. Ada dua unit disediakan dan sewanya AS\$5,480 (RM21,000) semalam manakala Suite Tiga Bilik pula boleh disewa dengan kadar AS\$3,000 (RM11,400)

Selain bilik penginapan, dewan persidangan dan kedai membeli-belah, hotel itu juga menyediakan pelbagai restoran masakan Arab, Barat dan Asia

termasuk Restoran Makanan Laut Al-Mahara, Restoran Al-Muntaha, Al-Iwan dan Bab Al-Yam.

Hotel Burj Al-Arab adalah sebahagian daripada Jumeirah Beach Resort, 17 kilometer ke selatan bandar raya Dubai. Hotel setinggi 321 meter itu dikelilingi air bersebelahan Jumeirah Beach Hotel and Taman Air Wild Wadi.

Pembinaan Burj Al-Arab memang unik kerana ia didirikan di atas pulau kecil buatan manusia, 280 meter dari pantai yang dihubungi jalan dan jambatan.

Hotel itu juga menyediakan kemudahan riadah dan rekreasi iaitu Assawan Spa & Health Club di Tingkat 18. Selain dua kolam renang yang menghadap laut, 18 bilik khas untuk kemudahan mandian haidrotrafi,urut, sauna dan mandi wap juga disediakan.

Dubai antara kota yang paling banyak hotel bertaraf empat dan lima bintang di dunia. Ada lebih 50 hotel mewah dan hampir 100 lagi hotel biasa.

Selain Burj Al-Arab, hotel mewah lain ialah Royal Mirage, Jumeira Beach Dubai, Sheraton Deira, Al-Bustan Rotana, Crowne Plaza Dubai, Dubai Marine Beach Resort, Emirates Towers, Hilton International Dubai, Hotel Inter Continental Dubai.

Selain itu, Hyatt Regency Dubai, Jebel Ali Hotel & Golf Resort, JW Marriott, Le Meridien Dubai, Le Meridien Jumeirah Beach Renaissance Hotel Dubai, Ritz Carlton Dubai dan Sheraton Dubai Hotel & Towers.

Namun, kebanyakan pekerja hotel adalah warga Filipina, Indonesia dan India. Gaji mereka lumayan dan sesetengah mereka dibayar melebihi RM1,000 sebulan bagi pekerja restoran dan pengemas bilik.

Dubai yang terkenal dengan kebersihan dan bangunan moden, menjadi pintu masuk ke negara Timur Tengah. Barangan elektrik, kelengkapan telekomunikasi, barang kemas, sutera dan permaidani mudah diperolehi dengan harga lebih murah.

(END)